



**IBU PEJABAT PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS
TANI MALAYSIA
WISMA TANI, BLOK PODIUM 4G1, PRESINT 4
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62630 PUTRAJAYA, MALAYSIA
Tel: +603 – 8870 2201 Fax: +603-8888 6051
(KPPV)
Email: kp@dvs.gov.my**



KENYATAAN MEDIA

BEKALAN TERNAKAN KORBAN UNTUK HARI RAYA AIDILADHA 2015

KUALA LUMPUR, 21 Sept – Bekalan ternakan korban untuk Hari Raya Aidiladha bagi tahun 2015 dijangka mencukupi bagi keperluan di seluruh Negara, kata Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek.

Menurut Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, perkara itu adalah berdasarkan kepada bekalan lembu dan kambing yang telah diimport serta ternakan tempatan yang ada di seluruh negara pada masa ini.

Pada masa ini, mengikut stastistik Jabatan Perkhidmatan Veterinar stok bekalan penyembelihan ternakan lembu dan kerbau pada bulan September 2015 berjumlah 54,200 ekor lembu dan 40,493 ekor bagi kambing.

Anggaran keperluan bagi lembu dan kambing bagi tujuan penyembelihan korban untuk tahun ini pula hanyalah kira-kira 26,200 ekor lembu dan 12,324 ekor bagi kambing.

“Berdasarkan kepada stastistik dan anggaran ini, kita yakin jumlah bekalan untuk tujuan Korban tahun ini adalah mencukupi,” katanya.

Sumber ternakan lembu adalah daripada negara Australia dan Thailand yang diimport oleh syarikat-syarikat pembekal dan lembu daripada Australia hanya dibenarkan disembelih di rumah sembelih yang mempunyai pengiktirafan ESCAS (Australia) iaitu sebanyak 76 buah rumah sembelih di seluruh negara.

Dari jumlah itu, sebanyak 28 buah daripadanya adalah terdiri dari Rumah Sembelih Jabatan sendiri.

Sumber ternakan lembu hidup dalaman adalah daripada projek-projek Integrasi dan Fidlots di seluruh Negara.

DVS juga telah menerbitkan **Garis Panduan Penyembelihan Ternakan Korban** untuk dijadikan panduan dengan mengambil kira aspek kebajikan haiwan, keselamatan makanan serta undang-undang dan peraturan mengenai pemantauan ternakan korban, premis penyembelihan, operasi penyembelihan dan pengurusan sisa ternakan untuk mengelakkan risiko jangkitan penyakit zoonotik.

Garis panduan ini juga adalah bagi meningkatkan kesedaran orang awam tentang kepentingan mengutamakan aspek kebersihan dan keselamatan di dalam setiap aktiviti penyembelihan ternakan korban tidak kira di mana ia dilakukan.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar juga telah melaksanakan usaha-usaha menyelaraskan undang-undang dan peraturan beserta garis panduan untuk mengawalselia aktiviti penyembelihan ternakan korban secara keseluruhan bagi memastikan amalan korban / akikah dapat

dilaksanakan dengan baik tanpa menimbulkan sebarang isu atau kesan kepada orang awam dan haiwan persekitaran.

Disediakan oleh

Bahagian Pembangunan Industri Hiliran
Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Malaysia
21 September 2015

untuk sebarang pertanyaan sila berhubung dengan Dr Nor Nazihah binti Ahmad Ruslan di talian 03- 8870 2386 atau emel ke pro@dvs.gov.my